Nama:	
Kelas	

Teks Bacaan: Robot Sahabat Manusia

Pada era globalisasi kini, teknologi berkembang dengan pesat dan membawa pelbagai inovasi dalam kehidupan manusia. Salah satu ciptaan yang semakin penting ialah robot. Robot merupakan mesin automasi yang dicipta untuk membantu manusia melaksanakan pelbagai tugas dengan lebih efisien dan sistematik.

Robot digunakan dalam pelbagai bidang seperti industri, perubatan dan pendidikan. Di kilang, robot membantu pekerja melakukan kerja berat seperti mengangkat barang dan memasang komponen mesin. Penggunaan robot ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi.

Selain itu, robot juga digunakan dalam bidang perubatan. Di hospital, robot membantu doktor dan jururawat dalam menjalankan rawatan serta menjaga pesakit. Contohnya, robot boleh menghantar ubat dan memantau keadaan pesakit secara berkala. Hal ini dapat mengurangkan beban tugas petugas kesihatan.

Dalam bidang pendidikan pula, robot digunakan sebagai alat bantu mengajar. Robot pendidikan mampu menarik minat murid untuk belajar dengan lebih interaktif dan menyeronokkan. Murid dapat memahami konsep pembelajaran dengan lebih mudah melalui penggunaan teknologi ini. Walau bagaimanapun, penggunaan robot juga mempunyai cabaran. Sesetengah pihak bimbang bahawa penggunaan robot secara meluas boleh menggantikan tenaga kerja manusia. Oleh itu, manusia perlu bijak mengimbangi penggunaan teknologi agar tidak menjejaskan peluang pekerjaan.

Kesimpulannya, robot merupakan sahabat manusia yang banyak membantu dalam kehidupan seharian. Dengan penggunaan yang bijak, robot dapat meningkatkan kualiti hidup serta memudahkan urusan manusia dalam pelbagai bidang.

Arahan: Catatkan jawapan pada ruangan kosong.

robot digunakan sebagai alat bantu mengajar.	**Di kilang,**

Tersurat

1._____,

Tersirat

robot membantu mengangkat barang berat.

Robot Sahabat Manusia

Tersurat

Dalam bidang pendidikan pula,

Tersirat

2._____
_____.

LIVEWORKSHEETS